




# وَأَيُّهَا

K D N 7890

KELUARAN 11 1986

JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



## KANDUNGAN

## Halaman

- |   |    |
|---|----|
| 1. Penyelesaian Kota Kambai Bukit Tinggi - Seremban oleh Encik Mohd. Hsa bin Tehal. | 9  |
| 2. Riwayat Hidup Allahyarham Dato Taha bin Talib oleh Encik Azem bin Mri Aien.      | 14 |
| 3. Uraian Famaq Minang oleh Encik Yaakub bin Idrus.                                 | 23 |
| 4. Koleksi Pembinaan Adat oleh Encik Yaakub bin Idrus.                              | 32 |
| 5. Terumbu Adat Pinang Maninjau oleh Encik Yaakub bin Idrus.                        | 36 |
| 6. Teroma Kadatangan Adat Perpatih.   | 40 |
| 7. Teroma Adat Perpatih.  | 44 |
| 8. Bukit Tiga dalam Pevang Sungai Ujong oleh Tuan Hj. Abd. Aziz b. Salleh.          | 49 |

## SIDANG REDAKSI PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



- Pengerusi : Tuan Hj. Yahya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.  
Setiausaha : Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.  
Ahli-ahli : Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.  
Encik Mahmud bin Kassim.  
Encik Yasin bin Sulaiman.  
Encik Hashim bin Thani, PJK.

Warisan, Jurnal Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, tahun ini seperti biasa memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, politik dan ekonomi.

Namun demikian, pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam rencana-rencana di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Redaksi atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Sumbangan berupa rencana daripada peminat-peminat Sejarah sangatlah dihargai dan hendaklah dialamatkan kepada:-

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan  
d/a Jabatan Pendidikan,  
Negeri Sembilan.  
70604 Seremban.

(U.P: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK)



**Y.A.B. DATO' MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD  
D.S.N.S., P.M.C.  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.



## KATA-KATA ALUAN


Penerbitan Warisan kali ke 11 ini sudah tentu memberi peluang yang lebih luas kepada pencinta sejarah tanah air mengenali tentang sejarah Negeri Sembilan.

Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Sehubungan dengan itu sukacita saya mengambil peluang ini mengajak lebih ramai penulis, khususnya pelajar, menyumbangkan tulisan mereka di dalam majalah ini, kerana melalui penulisan tersebut, dapatlah sama-sama kita dedahkan kepada masyarakat tentang perjalanan sejarah Negeri Sembilan ini secara amnya, dan sesuatu tempat itu khasnya.

Dan, untuk menghasilkan sesuatu penulisan itu, saya berharap penulis-penulis tadi akan dapat menjalankan siasatan yang rapi dan mendalam terhadap sesuatu peristiwa sejarah agar tulisan yang dihasilkan dan diterbitkan itu benar-benar bermutu.

Akhir kata, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan dan kepada sidang ridaksi Warisan di atas penerbitan Warisan kali ke 11 ini.



(DATO' MOHD ISAH BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

## DARI MEJA PENGARANG

nilahirrahmannirrahim.

alamualaikum.

RISAN adalah buku kecil yang berbentuk Jurnal Sejarah yang diusahakan oleh satuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, yang dikeluarkan pada tiap-tiap in.

ha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan Sejarah bukan sahaja menjadi tugas kepada ah-tokoh Sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga untuk upuk dan diperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan jar-pelajar sekolah. Guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah ulah memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah Sejarah ebut, khususnya Sejarah lisan akan luput dan hilang ditelan zaman, khususnya di zaman s dan teknologi ini.

anan Sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. am keghairahan kita mengajar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat adap Sejarah semakin berkurangan. Menyedari hakikat ini Kementerian Pendidikan aysia telah memberikan perhatian yang khusus terhadap pengajaran dan pembelajaran urah di sekolah-sekolah menengah masa-masa akan datang. Langkah-langkah yang krit, positif dan berkesan untuk meletakkan Sejarah pada perspektif yang betul sedang oses dalam melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1988 ti.

RISAN keluaran Ke 11 memuatkan artikel-artikal yang berunsur kebudayaan/ enian/politik dan sosial yang ada hubungannya dengan Sejarah Negeri Sembilan. Bagi uk Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, mengucapkan setinggi gi terima kasih kepada penulis-penulis artikel-artikal keluaran ke 11 di atas kerjasama eka bagi menjayakan makalah ini. Untuk membolehkan WARISAN ini diterbitkan erusan diharapkan para peminat, pembaca dan tokoh-tokoh Sejarah tempatan dapat iberikan sumbangan artikel yang difikirkan sesuai.

ian, terima kasih.



Haji YAHAYA BIN MAYAH, AMN., PMC., PJK)  
ua Pengarang.

## SENARAI NAMA JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1986

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	YB. En. Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK. : Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK. : Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK. : Encik Sulaiman Samad, PJK. : Datuk Mohd. Sharif bin Fakeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.

### PENGERUSI DAERAH

Daerah	Nama
Jelebu	: YB. Encik Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK.
Seremban	: Tuan Hj. Ismail bin Jamil.
Port Dickson	: Tuan Haji Othman bin Bakar.
Rembau	: Encik Mazlan bin Hj. Abdullah, AMN., PJK.
Tampin	: Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK.
Kuala Pilah	: Encik Omar bin Salam, PJK.
Jempol	: Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK.

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
1986**

Pengerusi Penerbitan	:	Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.
Pengerusi Penyelidikan	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Setiausaha	:	Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.

Jawatankuasa

Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK

Dato' Sharib bin Fakeh Hassan, PPN., PJK., PMC., PKL

Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK

Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK

Encik Sulaiman Samad, PJK

Encik Ismail bin Jamil.

Puan Kamariah bte Hj. Sabeh

Encik Mahmud bin Kassim

Encik Hashim bin Thani, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.

Tuan Haji Md. Jan bin Othman.

Encik Yaacob bin Idrus.





## SEJARAH PERJUANGAN ALLAHYARHAM DATO' MOHD. TAHA TALIB

Oleh: Azam Md. Atan

ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi sejarah hidup diri Taha sendiri dan bahagian kedua berkisar kepada sejarah perjuangan beliau khususnya dalam bidang politik.

### Sejarah Hidup Dato' Taha.

Allahyarham Dato' taha dilahirkan pada 3hb. Jun, 1932 di Kampung Ulu Rokan iaitu kampung yang letaknya jauh di pedalaman di kawasan Gemencheh. Beliau belajar di sekolah Kebangsaan Rokan hingga Darjah Enam sebelum menceburkan diri dalam bidang perguruan sebagai Guru Latihan Normal (Lain-lain Latihan).

Beliau adalah anak ke empat daripada lapan orang adik beradik. Kini cuma tinggal dua sahaja daripada adik beradiknya yang masih hidup iaitu Puan Habsah Talib dan Allahyarham Taha Talib.

Beliau mula berkhidmat sebagai Guru Pelatih pada 21hb. Februari, 1948 iaitu pada zaman Perang Dunia Kedua. Sekolah pertama tempat beliau mengajar ialah di Sekolah Kebangsaan Air Hitam Selatan. Bermula dari 1hb. Jun, 1950 hingga 1hb. Jun 1953, beliau mengikuti latihan sebagai Guru Pelatih secara mingguan dan telah lulus mendapat pangkat kedua. Antara sekolah

---

yang pernah beliau ditempatkan mengajar ialah di Repah, Johol, Rahang, Gemas, Terachi dan akhir sekali di Durian Tipus sebelum beliau terlibat terus dalam politik sepenuh masa.

Allahyarham mempunyai dua orang isteri. Isterinya yang pertama ialah Datin Norsiah Othman berasal dari Ulu Klang yang dikahwininya pada 8hb. Mei, 1956. Hasil perkahwinannya dengan Datin Norsiah telah dikurniakan dengan empat orang anak iaitu seorang lelaki dan tiga orang perempuan. Dua daripada anak perempuannya bekerja, seorang lagi menjadi suri rumah sepenuh masa. Anak lelakinya masih menuntut di Sek. Men. Tunku Besar Tampin, dalam Tingkatan 6 Atas.

*Ibu kandung Dato' Taha  
Yang Kini Berusia 85 Tahun*



Dengan isteri keduanya Puan Noridah Ahmad yang berasal dari Sg. Dua, Gemencheh, beliau memperolehi dua orang anak iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Keduanya masih bersekolah di sekolah rendah.

Menurut rakan-rakan seangkatan dengan Dato' Taha adalah seorang yang pendiam, lemah lembut dan payah marah. Hidupnya sederhana.

Menurut ibunya, sejak kecil lagi beliau seorang pemalu. Apabila ada tetamu datang ke rumahnya, beliau akan menyembunyikan diri. Semenjak kecil lagi, beliau telah menunjukkan ciri-ciri kepimpinannya. Dalam apa saja permainan beliau akan menang kerana beliau rajin dan sungguh-sungguh bila membuat sesuatu kerja. Semua kerjatangannya pula halus dan bersih. Tulisannya cantik.

Sebagai seorang ayah menurut isterinya Datin Norsiah, beliau seorang yang tegas dan berdisiplin. Anak-anaknya tidak diberi muka atau kemaanjaan yang melampaui batas. Beliau hanya bercakap dengan anak-anaknya dalam hal-hal yang penting saja. Urusan rumahtangga banyak diserahkan kepada isterinya.




*Rumah lama Dato' Taha di Kampung Sri Asahan, kini diduduki oleh guru-guru yang mengajar di Sek. Men. Dato' Mohd. Taha, Gemencheh dan Sek. Agama Men. Atas & Senawi, Gemencheh.*

Dato' Taha menceburkan diri sepenuh masa dalam politik apabila buat kali pertama beliau bertanding dalam Pilihanraya Umum 1959 dan beliau menang. Sebagai orang ahli politik dan pemimpin, beliau seorang yang tegas dengan pendiriannya. Dalam menjalankan sesuatu rancangan, beliau mendapatkan pandangan dari rakan-rakannya terlebih dahulu. Setelah diputuskan beliau akan membuatnya segera.

Dato' Taha mudah bergaul dengan sesiapa sahaja. Tetapi oleh kerana sifat semulajadinya yang pendiam, sesiapa yang tidak mengenalinya secara dekat akan menganggap Dato' Taha seorang yang sombong.

Dato' Taha sentiasa menunaikan permintaan dan jemputan rakyat. Contohnya, apabila bulan Ramadhan tiba, beliau akan bersembahyang Tarawikh di masjid-masjid kawasan pilihannya setiap malam secara giliran.

Dato' Taha telah meninggal dunia pada 14hb. April, 1982. Mayatnya dijumpai terbujur di hadapan pintu pagar rumahnya akibat tembakan senjata api. Pemergiannya merupakan satu kehilangan kepada rakyat khususnya di Gemencheh dan sekitarnya di Negeri Sembilan.



*Rumah baru Dato' Taha di Kg. Sri Gemenchek.  
Rumah ini belum siap waktu kematiannya.*

Menurut isterinya Datin Norsiah, tidak ada apa-apa wasiat yang ditinggalkan sebelum kematiannya kerana pemergiannya tanpa diduga.

sdhs  
SHH

## **SEJARAH PERJUANGAN POLITIK DATO' TAHA**

Penglibatan Dato' Taha dalam politik adalah berkait rapat dengan sejarah politik Tanah Melayu waktu itu yang sedang menuntut kemerdekaan.

Dari segi peribadinya, Dato' Taha semenjak dari kecil lagi sudah menunjukkan tanda-tanda sebagai seorang pemimpin yang berbakat dan berjaya. Ini telah diakui oleh ibu dan sahabat-sahabat yang seangkatan dengannya. Seorang sahabatnya Cikgu Abdul Majid Daud berkata "pada lidah Dato' Taha ada bintik hitam yang menandakan beliau seorang yang pandai berpidato, satu keistimewaan yang ada pada seorang pemimpin.

Menurut beliau juga, Dato' Taha sejak muda lagi suka mendengar ucapan-ucapan dan ada menyimpan petikan ucapan Sukarno. Beliau juga suka membaca buku-buku falsafah hidup Sukarno.

Sahabat-sahabat Dato' Taha di Gemenchek yang sama-sama berjuang dalam politik antaranya ialah:-

Cikgu Abdullah bin Ambek.

Cikgu Abd. Majid bin Daud.

Penghulu Ujang bin Ajak.

Cikgu Kamarudin bin Sulaiman.

Cikgu Taha bin Hj. Abdul Ghani.

Ketua Kampung En. Md. Dahan bin Abd. Malek.

En. Mohd. Nor bin Isa.

Ustaz Hamzah bin Maarof.

Allahyarham Abd. Aziz bin Abdullah.

bat seangkatannya dalam perjuangan politik peringkat Kebangsaan ialah Dato' Abd. ad Idris, Dato' Mustafa Jabar dan En. Abd. Ghafar bin Baba.

uangan menentang penjajah sekitar tahun-tahun 1940 an dan 1950 an banyak melibat-kaum guru. Begitulah juga dengan sejarah perjuangan politik Dato' Taha. Dato' Taha gasah bakatnya dalam (PEMENAS) pada tahun 1948, waktu itu beliau menjadi Setia-ia Dalam bidang Perguruan pula, beliau pernah menjadi Naib Yang DiPertua Kesatuan u Lain-lain Latihan Tanah Melayu. Dalam kedua-dua badan tersebutlah Dato' Taha gasah bakat sebagai pemimpin dan melihat kehendak orang Melayu waktu itu.

alisan juga merupakan bidang yang dapat melahirkan suara hati Dato' Taha terhadap embangan politik tanahair. Pada tahun 1955, beliau menjadi Pengerusi Persatuan tuan Guru Lain-lain Latihan dan telah menerbitkan majalah "Kebudayaan". Beliau pernah bertugas sebagai pengarang di Jabatan Agama N. Sembilan sebelum ber-ing dalam Pilihanraya 1959.

y' Taha merupakan pengasas kepada penubuhan UMNO Gemencheh pada tahun 1948. au menjawat jawatan Setiausaha di cawangan tersebut. Disebabkan kegiatan beliau ; begitu aktif dalam bidang politik, beliau sentiasa ditekan oleh pihak Jabatan jaran. Beliau sering ditukarkan ke merata tempat. Namun demikian, di mana saja u ditukarkan, beliau terus aktif dalam UMNO. Pada tahun 1948, apabila beliau telah gasaskan penubuhan UMNO Gemas setelah beberapa tahun mengajar di situ.

y' Taha menjawat Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tampin ada tahun . Beliau menjadi Ketua pula pada tahun 1956. Di peringkat Negeri Sembilan beliau jadi Setiausaha Perhubungan UMNO N. Sembilan pada tahun 1958 hinggalah tahun . Beliau mula menjadi Ketua UMNO Bahagian Tampin pada tahun 1959 sehinggalah ; tahun 1979 setelah beliau ditewaskan oleh En. Salleh b. Hj. Hashim yang pada waktu menjadi ADUN kawasan Gemas. Apabila UMNO Rembau dicantumkan dengan UMNO

---

Tampin pada 9hb. November, 1963, sekali lagi Dato' Taha diberi kepercayaan mengetuainya yang dinamakan UMNO Bahagian Negeri Sembilan Selatan.

Dato' Taha merupakan tokoh politik yang paling lama berkhidmat sebagai Wakil Rakyat di Negeri Sembilan. Bermula pada tahun 1959 hinggalah tahun 1982 (apabila beliau dibunuh) beliau berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Gemencheh. Tahun kejayaan yang paling menggembirakannya ialah pada tahun 1969 apabila beliau menang tanpa bertanding dalam Pilihanraya Kebangsaan pada tahun tersebut.

Pada tahun 1964 beliau telah dilantik sebagai Exco Kerajaan N. Sembilan dan bertindak sebagai Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam N. Sembilan dari tahun 1969 hinggalah tahun 1980. Pada tahun 1981 hingga 1982 beliau dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri. Beliau pernah memegang jawatan Menteri Besar semasa zaman Dato' Mansor dan Dato' Rais Yatim sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan.

Semasa berkhidmat dengan Kerajaan N. Sembilan, beliau pernah melawat negeri Jepun, England, negeri-negeri Timur Tengah dan sempat mengerjakan Umrah tiga kali.


Bersesuaian dengan kedudukannya dalam kerajaan N. Sembilan, beliau banyak terlibat dengan kegiatan masyarakat tempatan khususnya dan N. Sembilan amnya. Dato' Taha pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pengurus Sek. Men. Agama N. Sembilan dari tahun 1969 - 1982. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Sek. Agama Gemencheh dan sekolah Men. Dato' Mohd. Taha, Gemencheh. Mengenangkan jasa beliau, sekolah Menengah Gemencheh telah diberi nama Sek. Men. Dato' Mohd. Taha, Gemencheh pada tahun 1975.

Di Gemencheh juga, beliau menjadi Pengerusi Tanggamas (Lembaga Pertubuhan Peladang Tampin). Beliau juga menjadi Pengerusi Syarikat Kerjasama Gemencheh dan Yang DiPertua Lembaga Kewangan Maulud tajaan UMNO Gemencheh.

Oleh kerana jasanya kepada masyarakat tempatan, negeri dan kebangsaan, beliau telah dianugerahkan bintang-bintang kebesaran sama ada dari Yang DiPertuan Agong mahupun Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Antara pingat-pingat yang diterimanya ialah J.M.N. (Johan Mangku Negara), K.M.N. (Kesatria Mangku Negara), J.P. (Jaksa Pendamai) dan P.J.K. (Pingat Jasa Kebaktian).

Selain dari bidang politik, Dato' Taha juga berminat dalam bidang penulisan. Beliau pernah menulis sejarah Gemencheh yang diterbitkan dalam edisi jawi. Beliau juga pernah menulis sejarah Gedok tetapi telah dirampas oleh pihak Ingeris. Sebuah lagi buku yang ditulisnya ialah "Senyum Dalam Tangisan". Buku ini adalah berkenaan perjuangan menentang Jepun yang penuh dengan penderitaan.

Menurut isteri kedua Dato' Taha, sebelum pembunuhan Dato' Taha belaku, beliau pernah nyatakan sedang menyiapkan penyusunan semula buku sejarah Gemencheh.



*Dato' Taha dalam satu majlis  
anjuran rakyat tempatan*

### sis Dalam Politik Dato' Taha

um politik, perkara sahabat menjadi lawan dan musuh menjadi kawan adalah merupa-  
perkara biasa. Begitulah juga peristiwa yang berlaku ke atas diri Dato' Taha. Dalam  
a politik Dato' Taha, beliau pernah terlibat dalam beberapa krisis politik dalam Negeri  
bilan.

un 1963, semasa usaha untuk mencantumkan Bahagian Tampin – Rembau, beliau  
aksa menghadapi banyak masalah. Hinggakan Allahyarham pernah diingatkan  
wa suatu hari nanti masalah besar akan timbul akibat dari percantuman tersebut.  
o' Taha pernah berkata,

*ia saat-saat UMNO Bahagian ini dilanda badai, saya segera teringat kembali akan  
nan En. Bahaman yang jujur itu, dan kadang-kadang saya terfikir, bilakah masanya  
hitam itu datang menimpa."*

t Buku Cenderamata sempena pembukaan rasmi Bangunan UMNO Bahagian N.  
bilan Selatan, 1973.

in 1964, Dato' Taha pula terpaksa berdepan dengan sahabatnya sendiri Dr. Sulaiman  
; bertanding atas tiket Front Sosialis dalam Pilihanraya Kebangsaan.



Pada tahun 1972/73, menurut bekas Setiausaha UMNO Tampin, En. Mohd. Nor Isa, Dato' Taha pernah berkrisis dengan Dato' Mansor Othman yang pada ketika itu sebagai Menteri Besar N. Sembilan. Dato' Taha mengancam untuk meletakkan jawatan sebagai Exco Negeri Sembilan.

Pergolakan terus berlaku dalam UMNO Bahagian Tampin selepas Dato' Taha ditewaskan sebagai Ketua UMNO Bahagian pada tahun 1979. Pergolakan itu memuncak sehinggalah tahun 1982 bila Pilihanraya Kebangsaan berlangsung. Bila nama Dato' Taha dicalonkan sekali lagi sebagai bakal ADUN kawasan Gemencheh, telah menambahkan lagi api kemarahan musuh politiknya. Akhirnya, pada 14hb. April, 1982, sebagai jalan penyelesaian singkat, Dato' Taha telah ditembak mati dan mayatnya telah dijumpai terbaring di hadapan pintu pagar rumahnya.



*Di sinilah mayat Dato' Taha dijumpai  
pada pagi 14 .04 .1982.*

Mengulas tentang peristiwa pembunuhan tersebut, isteri kedua Dato' Taha Puan Noridah menyatakan beberapa bulan sebelum peristiwa tersebut, Dato' Taha menyatakan beliau banyak menerima surat-surat layang dari orang-orang politik Gemencheh yang dahulunya menjadi sahabat karibnya. Dato' Taha telah diminta oleh Perdana Menteri menjawab segala tuduhan yang dilemparkan terhadap beliau dalam surat layang tersebut. Dato' Taha tidak mahu berbuat demikian dan menyerahkan segalanya kepada Allah untuk menentukannya.

Cuma Puan Noridah rasa terkilan kerana tidak dapat melihat dan membaca semua surat



layang tersebut, kerana sebelum itu Dato' Taha berjanji akan memberikan surat-surat tersebut kepengetahuan beliau.

Pemergian Dato' Taha merupakan kehilangan tokoh tempatan yang berkelibar. Terlalu banyak jasa yang telah dicurahkan untuk kepentingan masyarakat Gemencheh. Gemencheh telah membangun begitu pesat buat masa ini. Cuma satu cita-cita Dato' Taha yang tidak tercapai ialah hendak menjadikan Gemencheh sebagai pusat bandar dan pusat pentadbiran Daerah Tampin. Apakah pemimpin tempatan hari ini yang berjiwa dan bersemangat dan dapat meneruskan cita-cita tersebut ?

## Bahan-bahan Kajian

1) Penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada nama-nama yang disebutkan di bawah atas kerjasama mereka menjayakan kajian ini.

- i Tuan Hj. Taha b. Hj. Abd. Ghani.
- ii En. Md. Dahan b. Abd. Malek.
- iii Datin Norsiah bt. Othman.
- iv Cikgu Abdul Majid b. Daud.
- v Puan Beah bt. Nahu.
- vi En. Mohd Nor b. Isa,
- vii Puan Noridah bt. Ahmad. (Perbualan dengan isteri penulis pada 19 .02 .1987 di Hospital Daerah Tampin).

2) Buku cenderamata sempena pembukaan rasmi Bangunan UMNO Bahagian Tampin, 1973.

## BIADATO PENULIS

AZAM BIN MD. ATAN ialah seorang Guru Sejarah yang sedang berkhidmat di Sek. Men. Dato' Mohd. Taha, Gemencheh, N. Sembilan.

Semasa pengajiannya di Universiti Malaya (1973 - 1976, beliau mengambil Sejarah sebagai pilihan utamanya. Beliau pernah menulis rencana-rencana sejarah di akhbar-akhbar tempatan semasa beliau di kampus. Di sekolah, beliau berusaha memberi minat kepada pelajar-pelajarnya terhadap mata pelajaran Sejarah dengan membentuk kumpulan-kumpulan pelajar mengkaji Sejarah Tempatan.